

Penghargaan usaha majukan UMS

► Naib Canselor UMS Terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dari Universiti Jepun

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Sains Pertanian oleh Kindai University, Jepun kelmarin.

Penganugerahan ijazah itu disampaikan oleh presiden Kindai University, Profesor Hitoshi Shiozaki dalam satu majlis di universiti berkenaan.

“Pengkiktirafan ini saya tujukan khas kepada semua warga UMS yang sentiasa menyokong saya dalam usaha memajukan universiti ini ke peringkat global.

“Saya percaya UMS mampu pergi lebih jauh, yakni dengan kerja keras dan komitmen tinggi warganya

termasuk para pelajar UMS yang sentiasa bersungguh sungguh untuk membina imej universiti ini ke arah yang lebih baik,” katanya dalam satu kenyataan selepas majlis penganugerahan itu.

Dalam pada itu, Harun ketika menyampaikan ucapan balas sempena majlis penganugerahan itu berkata, perjanjian kerjasama bersama Kindai University amat bermakna buat UMS yang terbukti banyak menghasilkan output yang bermanfaat kepada kedua-dua universiti khususnya dalam bidang akuakultur.

Terbaharu, penubuhan pusat R&D dalam bidang akuakultur oleh UMS dan Kindai University dilihat agak unik dan membuktikan keberhasilan kerjasama lebih satu dekad antara kedua-dua

universiti.

“Bidang akuakultur yang menjadi tumpuan dan kepentingan dalam kerjasama ini mempunyai masa depan yang cerah kerana kajian dalam bidang ini sentiasa memberi sumbangan terhadap aspek keselamatan makanan global.

“Kelestarian dalam akuakultur sememangnya menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan daya pemikiran inovatif dan pengetahuan global dalam memacu pertumbuhan generasi akuakultur baharu.

“Dalam konteks ini, saya percaya kerjasama antara dua universiti ini adalah satu pelaburan yang sangat berharga dan memberikan pulangan yang maksimum,” ujarnya.



HARUN menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Hitoshi Shiozaki.